

117 atlet tae kwon do berkampung di UMS

BH 7.1.2015 v16



Dr Ismail (dua dari kiri) **menyampaikan cenderamata** kepada Hazally.

Kota Kinabalu: Kejohanan Universiti Malaysia Sabah (UMS)-Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Tae Kwon Do Fiesta 2015 menyaksikan penyertaan 117 atlet dari 12 pasukan terdiri daripada institut pendidikan tinggi (IPT) dan kelab tae kwon do tempatan.

Mereka berkampung di UMS menyertai pertandingan yang mempertaruhkan dua kategori acara, iaitu Acara Poomsae dan Acara Kyorugi.

Bagi acara Poomsae, pertandingan dibuka kepada kategori

umur Bawah 17 Tahun, Bawah 14 Tahun, Bawah 12 Tahun, dan Terbuka IPT bagi Individu Lelaki dan Wanita, Berpasukan Lelaki dan Wanita serta kategori campuran.

Acara Kyorugi pula terbuka kepada IPT dengan memperandingkan lapan kategori iaitu fin weight, fly weight, bantam weight, feather weight, middle weight, welter weight, light weight dan heavy weight.

Kejohanan itu dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

UMS, Prof Madya Dr Ismail Ali yang mewakili Naib Canselor UMS di Dewan Tae Kwon Do, UMS.

Cungkil bakat

Yang turut hadir ialah, Seti-
usaha Bahagian Sukan IPT,
Hazally Jali dan Pengarah
Pusat Sukan UMS, Mohd Asyraf
Fong.

Berucap pada majlis itu, Ismail berkata penganjur-an kejohanan dengan kerjasama KPT mampu mencungkil bakat muda dalam sukan tae kwon do.

“Kejohanan tae kwon do ini bukan untuk menunjukkan kehebatan berlawan atau bersaing untuk kemenangan semata-mata, tetapi apa yang penting adalah semangat kesukanan yang ditunjukkan sepanjang pertandingan berlangsung.

“Diharapkan atlet mampu menjadikan kejohanan ini sebagai platform untuk menimba pengalaman serta mencari peluang untuk menjalinkan hubungan persahabatan bersama-sama atlet lain yang bertanding,” katanya.